



Ruj. Kami : ANM(UKPP)MEL/12 JLD.6 (18)
Tarikh : 1 September 2026
Bersamaan : 19 Rabiulakhir 1448H

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

ARAHAN KERJA BIL. 77/2026/O: PENGHANTARAN SIJIL PENGESAHAN BAKI VOT, HASIL, AMANAH DAN DEPOSIT BAGI BULAN OGOS 2026

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bil.4/2021, Bil.1/2023, Bil. 5/2023 dan Bil. 3/2025,.

2. Dimaklumkan bahawa, pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan adalah diminta untuk mengemukakan Sijil Pengesahan Baki Vot, Hasil, Amanah dan Deposit bagi bulan **Ogos 2026 selewat-lewatnya pada 14hb September 2026 (Isnin)**. Pengesahan Baki tersebut pada tarikh yang ditetapkan akan menyebabkan **ketidakpatuhan kepada Arahan Perbendaharaan 143(b)** dan teguran di dalam Laporan Audit Tahunan di peringkat Persekutuan.

3. Selaras dengan **SPANM Bil. 4/2024**, pegawai yang menandatangani Sijil Pengesahan Baki, Penyata Penyesuaian Vot / Terimaan / Amanah / Deposit, Buku / Subsidiari / Laporan Akaun Deposit dan Laporan Akaun Amanah perlu mempunyai Kebenaran Khusus Secara Bertulis Penyelenggaraan Laporan Kewangan dan Perakaunan. Sekiranya berlaku pertukaran pegawai kebenaran khusus ini adalah terbatal dan perlu digantikan dengan kebenaran khusus yang baharu.

4. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi pegawai di Unit Akaun seperti berikut:

- | | | |
|-----|----------------------------------|------------|
| i. | Pn. Siti Rahayu binti Aziz | 06-2895090 |
| ii. | Pn. Nurkhalila binti Mohd Hamsin | 06-2895088 |

5. Kerjasama dan tindakan segera pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan di dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA"
"BIJAK LAKSANA TUAH, BERANI LAKSANA JEBAT"
"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan"

Saya yang menjalankan amanah,

(YONG KOK SIA FCCA, ACMA, CGMA, C.A.(M))

Timbalan Pengarah,

b.p Pengarah Negeri,

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Negeri Melaka.